

Teks ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung Umno 2007

# Menuju 100 tahun kemerdekaan

B.H m/s 12 9.11.07  
Memperkukuh  
keyakinan,  
meneroka era  
baru landasan  
kecemerlangan

Perhimpunan Agung Umno  
2007



5-9 November 2007



**AMANAT BANGSA:** Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bersama Ahli Majlis Tertinggi memberi tepukan selepas Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengakhiri ucapan dasar ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno Ke-58 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, kelmarin.

kaan pada 1957. Pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dianggap kurang berpengalaman.

Kira-kira 12 tahun selepas Merdeka, kita diuji dengan rusuhan kaum yang mengancam keutuhan negara. Alhamdulillah, berkat permuafakatan dan semangat kerjasama yang jitu, segala rintangan berjaya diatasi.

Titik hitam itu menjadi satu teladan, memberi pengajaran paling berharga bahawa perpaduan kaum haruslah diperkukuhkan dan segala kelemahan haruslah diatasi. Berikutan tragedi ini, Kerajaan telah memperkenalkan tiga pendekatan utama.

Rukun Negara diperkenalkan sebagai ideologi negara bagi mengukuhkan perpaduan demi keutuhan tanah air. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dirangka bagi memajukan ekonomi berasaskan pertumbuhan pesat dan pengagihan yang adil lagi saksama.

Manakala Barisan Nasional (BN) ditubuhkan sebagai formula politik paling berkesan lagi inklusif. Tiga pendekatan utama ini telah menyumbang kepada kejayaan, kemakmuran dan survival negara. Kita telah mendapat sokongan majoriti rakyat bagi menubuhkan Kerajaan secara berterusan selama 52 tahun. Rekod cemerlang ini dicapai hasil daripada kepemimpinan bijaksana serta komitmen parti komponen dalam BN.

Rekod cemerlang ini adalah hasil daripada kebijaksanaan Umno menjalin kerjasama dengan bukan Melayu berlandaskan budaya muafakat dan kongsi kuasa. Rekod cemerlang ini dicapai atas gagasan gerak kerja yang realistik lagi

menunjukkan bahawa pendekatan Islam yang dianjurkan oleh Umno berwajah sederhana - bersifat adil.

Tuntutan untuk kembali kepada semangat yang terkandung dalam 'Perlembagaan, Persekutuan' wajar dilihat secara positif, ditafsirkan secara bijak tanpa prejudis. Perlembagaan harus dilihat dan ditafsir secara menyeluruh, dan bukan secara terpisah atau terasing dengan menumpukan kepada beberapa fasal tertentu saja. Perlembagaan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai, di mana-mana bahagian Persekutuan.

Bersandarkan semangat Perlembagaan, warga Malaysia pelbagai agama hendaklah mengamalkan budaya saling menghormati antara satu sama lain. Islam menyeru supaya umatnya menghormati penganut-penganut agama lain selaras dengan ayat 108, surah Al-An'aam, bermaksud: "*Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampauai batas dengan ketiadaan pengetahuan.*"

Perlu ditegaskan bahawa sesuatu tindakan ada tindak balasnya. Sikap tidak menghormati mahupun sikap ekstremisme di satu pihak akan mencetuskan tindak balas yang sama di pihak yang lain. Keganasan di satu pihak akan membenihkan keganasan di pihak lain. Oleh itu, jika kita mahu agama kita dihormati dan difahami, marilah kita di dalam Umno memperlihatkan contoh teladan terbaik dengan me-

“*Amalan Islam dari pemikiran cetek dan tafsiran sempit boleh menimbulkan kegelisahan bukan saja di kalangan bukan Islam malah di kalangan umat Islam jua*”

organisasi politik. Islam tidak boleh dijadikan milik eksklusif mana-mana pihak tertentu.

Umno berpandangan bahawa Islam tidak akan berkembang luas dan dihormati jika Islam itu hanya terbatas kepada aktiviti-aktiviti berbentuk ritual. Memperjuangkan Islam semata-mata bertiangkan slogan dan retorik tidak membolehkan kita mencapai tahap kegemilangan. Malah amalan Islam dari pemikiran cetek dan tafsiran sempit boleh menimbulkan kegelisahan bukan saja di kalangan bukan Islam malah di kalangan umat Islam jua.

Tindak tanduk keterlaluan melaksanakan tugas penguatkuasaan adalah perbuatan kurang bijak yang lebih memberikan imej negatif terhadap Islam. Sifat gagal memahami keperluan penganut agama lain untuk menjalankan acara agama mereka, demikian juga sifat menidakkan hak penganut agama lain adalah bercanggah dengan semangat yang terkandung dalam Perlembagaan Negara. Perbuatan-perbu-

Malaysia terselal dengan penguasaan dua-pertiga daripada pasaran bon Islam atau sukuk dunia, bernilai AS\$47 bilion. Sejajar dengan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), Kerajaan telah meliberalisasikan sektor kewangan Islam untuk menggalakkan penyertaan entiti asing dalam sektor perbankan, pasaran modal dan takaful Islam.

Selain itu, Malaysia telah mempelopori penubuhan institusi seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board - IFSB) dan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF). IFSB, yang dianggotai 125 negara, berfungsi untuk menyelaraskan peraturan dan piawaian pada peringkat antarabangsa manakala INCEIF adalah pusat pendidikan bertaraf universiti yang berperanan membangunkan modal insan untuk keperluan sektor kewangan Islam.

Seterusnya, Malaysia amat komited untuk menjadi sebuah hab halal dunia. Kerajaan aktif mempromosikan perkhidmatan dan produk Halal Malaysia, di samping terus memperkukuhkan piawaian dan pensijilan Halal. Komitmen serius kerajaan dibuktikan melalui penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal untuk merintis dan menyelaras pelbagai inisiatif.

Warga Malaysia terutamanya umat Islam tidak harus terlepas mengambil peluang daripada industri halal yang menawarkan peluang niaga yang besar. Saiz pasaran halal di peringkat global bernilai dua trilion ringgit; dan umat Islam di seluruh dunia berjumlah 1.8 bilion orang. Umat Islam wajib melihat usaha mengangkat status dan penggunaan perkhid-

pragmatik; gerak kerja yang mengutamakan agenda pembangunan negara dan agenda kesejahteraan warga.

## Pencapaian 50 Tahun

Umno tidak sekadar berjaya menerajui pemerintahan negara selama 50 tahun, malah kepimpinan Umno telah berjaya membangunkan bumi Malaysia menjadi antara negara termaju, mencatatkan selama tempoh 50 tahun lalu, kadar pertumbuhan purata ekonomi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 6.3 peratus.


Sewaktu mencapai kemerdekaan, negara kita adalah antara yang termiskin di dunia; kini negara kita adalah antara negara terulung di dunia dari segi indeks pembangunan insan. Pendapatan nominal mencecah paras per kapita 20,900 ringgit, meningkat 26 kali ganda sejak merdeka.

Dasar Kerajaan yang menggalakkan pertumbuhan sektor swasta telah menghasilkan nilai perdagangan mencecah satu trilion ringgit pada awal tahun ini. Imbangan perdagangan negara telah mencatatkan kedudukan positif selama 109 bulan berturut-turut. Rizab asing negara terus meningkat mencapai tahap 98.2 bilion Dolar Amerika. Pasaran saham negara mencapai tahap bersejarah, dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur mencecah paras 1,413 mata, dengan perdagangan yang rancak lagi aktif. Malaysia kini diiktiraf oleh Forum Ekonomi Dunia sebagai negara kelima paling berdaya saing di Asia.

Pencapaian ini adalah hasil dari usaha gigih kita bersama memecahkan ruyung untuk mendapatkan sagu. Malah dengan komitmen ahli-ahli parti serta sokongan padu rakyat, disertai persefahaman perkhidmatan awam dan jalinan kerjasama dengan sektor swasta, saya penuh yakin daya saing dan daya produktiviti negara terus dapat ditingkatkan.

## Memartabatkan

Umno tetap komited dan sama sekali tidak apologetik dalam usaha memartabatkan Islam. Islam menganjurkan kesejahteraan. Dalam Perhimpunan Agung pada tahun 2004, saya telah menggariskan sepuluh prinsip Islam Hadhari. Manhaj atau pendekatan Islam Hadhari telah difahami dan menerima sokongan dari parti-parti komponen Barisan Nasional. Ini me-



**“Rekod cemerlang ini adalah hasil kebijaksanaan Umno menjalin kerjasama dengan bukan Melayu berlandaskan budaya muafakat dan berkongsi kuasa”**

ngamalkan sikap menghormati penganut dan keperluan agama-agama lain.

Kita memberikan jaminan bahawa Umno sama sekali tidak merestui tafsiran dan amalan Islam secara sempit. Umno menentang sebarang budaya ganas, budaya politik yang mencetuskan kekacauan yang boleh mengganggu gugat urusan kehidupan dan urusan muamalat negara dan ummah. Islam bukan milik mana-mana pihak – apatah lagi sebuah parti politik. Islam jangan sekali disempitkan dengan mengaitkan sebagai perjuangan sebuah

Perkembangan Negara. Perbuatan-perbuatan itu lebih merugikan umat Islam apabila yang bukan Islam menganggap mereka telah dizalimi kerana menidakkan hak mereka sebagai warga di bumi Malaysia.

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

Islam perlu difahamkan bukan saja kepada umat Islam tetapi termasuk kepada yang bukan Islam. Islam harus diperkenalkan sebagai agama yang melaksanakan keadilan; agama yang sama sekali tidak membenarkan berlakunya kezaliman, agama yang menolak keganasan. Tidak ada yang salah tentang Islam; kesalahan adalah disebabkan perbuatan kurang arif di kalangan mereka yang gagal mentafsir dan mengamalkan Islam dengan minda terbuka dan fikiran rasional. Umat Islam sepatutnya lebih menumpukan usaha membina faktor-faktor tarikan kepada Islam. Kerajaan berpendirian bahawa Islam akan dihormati jika dimensi Islam dalam pelbagai bidang dapat dibangunkan secara berjaya, terutama dari segi kejayaan intelektual, kejayaan ilmu, kejayaan sahsiah dan kejayaan ekonomi.

Kejayaan memajukan sistem kewangan Islam hingga ke peringkat mendapat pengiktirafan dunia demikian juga usaha membangunkan hab halal terkemuka, adalah antara obligasi yang tidak kurang pentingnya dengan tanggungjawab memenuhi tuntutan fardu ain. Usaha-usaha sedemikian telah dapat memperlihatkan bahawa Islam itu bersifat kontemporari, kekal relevan dalam era pembangunan ekonomi moden.

Malah, usaha-usaha dalam bidang-bidang ekonomi, sains dan teknologi adalah amat dituntut dan lebih penting diberikan perhatian dari menghabiskan masa untuk berpolemik dan beretorik dalam isu-isu ritualisme. Islam dan umat Islam akan lebih dapat dibangunkan apabila umat Islam berjaya memperlihatkan pencapaian cemerlang dalam bidang-bidang ekonomi, sains dan teknologi.

Untuk itu, Malaysia telah dan akan terus mengambil langkah ke arah menjadi antara pusat kewangan Islam utama dunia. Dari segi pasaran modal Islam, kejayaan

angkat status dan penggunaan perkhidmatan dan produk halal sebagai memenuhi satu tuntutan fardu kifayah.

## Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Demi memastikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memenuhi matlamat penubuhannya, Kerajaan telah memperkenalkan program transformasi GLC pada 14 Mei 2004. Kejayaan GLC selepas itu amatlah memberangsangkan. Nilai pasaran saham 20 GLC terkemuka meningkat 74 peratus, mencecah nilai RM253 bilion, membawa impak ketara kepada prestasi Bursa Malaysia. Syarikat-syarikat berkaitan memperlihatkan kejayaan dari segi prestasi kewangan dan penyusunan semula operasi; malah ada yang berjaya memperkukuhkan kedudukan mereka melalui pemerolehan; ada yang berjaya memperluaskan operasi ke luar negara. Kejayaan GLC telah meningkatkan keyakinan pelabur di dalam dan di luar negara.

GLC bertambah kukuh hasil dari transformasi yang berjaya dilaksanakan. Amalan korporat yang lebih baik, bukan hanya memberi manfaat kepada GLC, malah pemegang saham utama GLC, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji serta Permodalan Nasional Berhad. Secara tidak langsung, ia memberikan limpahan kepada rakyat dalam bentuk dividen dan bonus. Sebagai contoh, sejak usaha transformasi dilaksanakan, dividen Lembaga Tabung Haji meningkat daripada 4.3 peratus pada 2004 kepada 4.75 peratus tahun lalu. Dividen KWSP meningkat dari 4.75 peratus pada 2004 kepada 5.15 peratus tahun 2006.

Sebagai syarikat berkait Kerajaan, GLC wajib menghayati aspirasi negara – aspirasi bangsa. GLC hendaklah bersama-sama mengambil tanggungjawab, bersama-sama mendukung wawasan kerajaan terutama usaha melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, mewujudkan sistem vendor dan menjalinkan program usaha sama secara berkesan dengan syarikat Bumiputera. Tidak ada perancangan antara matlamat mencapai sasaran keuntungan dengan wawasan membangunkan ekonomi Bumiputera.

Hari ini ada banyak syarikat dan individu Bumiputera sudah memiliki kemahiran dan keupayaan. Tidak ada sebab

# Pembangunan konsep k peluang teroka ekonom

## Transformasi pendidikan negara lahirkan modal insa

B.H m/s 12

DARI MUKA 12 9-11-07

syarikat-syarikat dan individu tempatan disisihkan. Tidak seharusnya keistimewaan dan keyakinan diutamakan kepada syarikat-syarikat atau pakar-pakar dari luar negara saja.

GLC sepatutnya berada di hadapan menjuarai usaha membantu meningkatkan keupayaan dan kredibiliti syarikat dan individu Bumiputera. GLC hendaknya mengambil peranan sebagai pemangkin untuk membolehkan berlakunya proses pemindahan teknologi asing kepada syarikat tempatan dan syarikat Bumiputera dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Saya berbangga dengan kejayaan GLC. Saya akan lebih berbangga apabila GLC turut berperanan aktif, membantu memperbesar Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dan mempercepatkan proses pemindahan teknologi kepada syarikat tempatan. Kejayaan GLC menjadi lebih lengkap apabila GLC berupaya mengimbangkan usaha dengan merealisasikan program pembangunan ekonomi dan program pembangunan sosioekonomi Bumiputera.

### Perkhidmatan Awam

Perkhidmatan awam adalah jentera penggerak utama kerajaan, membabitkan pelbagai aspek pembangunan negara, merangkumi antaranya perkhidmatan sosial, kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Perkhidmatan awam berperanan penting sebagai jambatan penghubung berkesan antara kerajaan dengan rakyat, menterjemahkan wawasan kepada tindakan.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan sektor awam. Memperkenalkan sistem kontrak dan 'KPI' dalam urusan lantikan



“Pembangunan bersifat tempang jika hanya tertumpu di bandar, hingga bandar menjadi tempat yang terlalu sesak, sedangkan kawasan desa kelihatan usang dan dimamah zaman”

tertentu, terutama yang mempunyai impak langsung bagi meningkatkan daya saing urus niaga.

Respon kepada laporan Ketua Audit Negara nyata memperlihatkan satu perubahan dinamik sedang berlaku. Ia jelas menunjukkan kesediaan badan-badan yang bertanggung

Usaha membangunkan koridor ekonomi ini juga membawa pendekatan baru dalam perancangan pembangunan yang membabitkan sektor swasta berperanan lebih aktif. Sebagai contoh, adalah dilaporkan bahawa 70 peratus dari kawasan industri di kawasan utara tidak digunakan kerana gagal menarik penyertaan swasta.

Oleh yang demikian, kita telah memastikan penyertaan langsung sektor swasta di peringkat merangka serta di peringkat melaksana koridor ekonomi. Ini untuk memastikan bahawa pelaburan yang dibuat bersifat komersial dan mampu menjana pulangan yang setimpal, di samping membawa faedah pembangunan yang dijanjikan untuk rakyat.

Pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar pada 4 November 2006 telah membawa satu era baru dalam pembangunan negara. Pembangunan yang berkonsepkan hab sektor perkhidmatan -khususnya dalam industri-industri kreatif, pendidikan, kesihatan, kewangan, pelancongan dan logistik - dijangka akan melonjakkan wilayah Selatan Johor sebagai nadi pembangunan yang pesat, dinamik dan disegani di seluruh rantau Asia dan dunia keseluruhannya.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara - yang meliputi negeri Perlis, Pulau Pinang, Kedah, dan utara Perak - adalah rancangan yang akan menekankan pembangunan pelbagai sektor, bertujuan meningkatkan kualiti hidup rakyat di Wilayah tersebut dan membasmi kemiskinan. Begitu juga dengan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, meliputi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, dan daerah Mesing di Johor.

Kita juga akan memastikan bahawa nikmat pembangunan akan melimpah ke seluruh negara, termasuk bagi negeri-negeri di bahagian timur Malaysia. Untuk itu, koridor ekono-

Ketua Setiausaha Kementrian dan Ketua Jabatan Utama adalah kaedah untuk meningkatkan tahap akauntabiliti perkhidmatan awam.

Kerajaan menghargai peranan penting perkhidmatan awam. Atas hasrat itu, kerajaan mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam. Kenaikan gaji kakitangan awam memabitkan peruntukan emolument tambahan berjumlah RM8 bilion setahun. Namun, kerajaan mentakrifnya sebagai satu pelaburan jangka panjang untuk memastikan perkhidmatan awam menjadi perkhidmatan yang terus dan kekal dianggotai dari kalangan mereka yang terbaik, dan berupaya memberi perkhidmatan terbaik.

Beberapa langkah penambahbaikan yang diperkenalkan telah pun menunjukkan hasil. Berikutan penubuhan skuad pemprosesan khas, 98 peratus dari kes urusan tanah tertunggak sejak 2001 telah dapat diselesaikan. Kini, urusan cukai boleh dijalankan melalui internet dan pulangan kredit kepada pembayar cukai menerusi sistem 'e-filing' telah dapat dipendekkan tempohnya, daripada berbulan malah bertahun, ke-30 hari. Pasport dan kad pengenalan kini boleh disiapkan pada hari yang sama berbanding dua minggu sebelum ini. Pelan bangunan kini dapat diluluskan dalam masa 142 hari, sijil 'perakuan siap dan pematuhan' (Certificate of completion and compliance - CCC) dikeluarkan dalam masa 134 hari, berbanding tempoh berbulan dan bertahun di masa dulu.

Sudah tentu masih ada kelemahan yang perlu diatasi bagi membolehkan kita mencapai kejayaan lebih cemerlang. Tetapi yang penting, kini wujud azam untuk melaksanakan perubahan dan juga kesediaan untuk melakukan pembetulan. Usaha penambahbaikan akan terus dijalankan untuk meningkatkan kecekapan dan sistem penyampaian. Penubuhan Pasukan Petugas Khas PEMUDAH telah berjaya memperbaiki perkhidmatan

jawab untuk memantapkan dan menguatkuasakan undang-undang. Kerajaan berpendirian bahawa laporan sedemikian dapat membantu usaha ke arah menjadikan sektor awam lebih cekap dan berintegriti. Saya gembira dengan tindakan pantas Badan Pencegah Rasuah dalam hal ini. Saya pasti, ramai kakitangan perkhidmatan awam menyokong tindakan yang dapat memelihara nama baik serta integriti profesion mereka.

Dalam menjalankan segala usaha ini, saya menyeru supaya perkhidmatan awam senantiasa insaf bahawa mereka wujud untuk berkhidmat kepada rakyat, terutamanya rakyat bawahan, rakyat miskin, rakyat yang tidak berpendidikan tinggi, rakyat yang tidak berjawatan besar; rakyat sedemikianlah adalah konstituen terbesar dan terpenting. Mereka perlu dilayan dengan mesra lagi hormat; mereka ini yang amat perlu dibantu. Kuasa pentadbiran yang diberikan hendaklah diguna untuk mempercepat dan bukan melambatkan proses, terutamanya sewaktu berhadapan dengan rakyat dari kumpulan bawahan.

### Membangun Koridor Ekonomi Meneroka Potensi Baru

Konsep pembangunan koridor ekonomi adalah pendekatan baru, bertujuan menjana pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Pembangunan negara bersifat tempang jika hanya tertumpu di bandar-bandar, hingga bandar menjadi tempat yang terlalu sesak, sedangkan kawasan desa kelihatan usang dan dimamah zaman.

Dengan berpaksikan konsep wilayah, pembangunan koridor ekonomi akan menerokai potensi baru serta mempertingkatkan usaha untuk membasmi kemiskinan secara lebih berkesan. Yang lebih utama, setiap wilayah ekonomi akan dibangunkan dengan memanfaatkan keunikan dan keistimewaan yang ada pada mereka..

mi di Sabah dan Sarawak akan turut dibangunkan dengan mengambil kira keperluan dan hasrat pembangunan di negeri-negeri tersebut. Kesemua rancangan pembangunan koridor ini bertujuan untuk mengubah nasib masyarakat di luar bandar supaya lebih sejahtera menikmati hasil kemakmuran.

Falsafah di belakang pembangunan berkonsep koridor ekonomi ini adalah untuk memastikan bahawa tidak ada mana-mana golongan warga yang tertinggal dalam arus pembangunan negara. Sektor ekonomi yang kurang maju dan kawasan yang agak ketinggalan akan dibangunkan secara pesat, tanpa mengetepikan sektor-sektor atau kawasan-kawasan lain. Punca pendapatan tambahan dan pendapatan baru akan dijana, manakala sumber kekayaan baru akan diusahakan. Pembangunan koridor ekonomi ini apabila berjaya, akan merubah wajah dan rupa bentuk negara. Pembangunan tidak tertumpu di bandar-bandar besar saja, malah akan melebar ke seluruh ceruk rantau tanah air. Inilah hasrat yang mendasari niat murni kita.

Ada kebimbangan bahawa pelaksanaan koridor ekonomi - terutamanya Wilayah Pembangunan Iskandar - akan menggugat masa hadapan orang Melayu. Bagi saya, tafsiran sebegini menampakkan perspektif yang sudah ketinggalan zaman. Mungkin pada zaman dulu, kita amat tertinggal di tanah air sendiri. Ramai anak Melayu ketika itu terpinggir; tetapi kini ramai anak Melayu yang berpendidikan tinggi. Sudah ramai anak Melayu yang menjadi doktor, peguam, akauntan, malah berjaya menjadi angkasawan; telah muncul barisan usahawan dan pengurus Bumiputera yang berupaya mengendalikannya urus niaga berdaya maju.

Oleh itu, tanggapan bahawa Wilayah Pembangunan Iskandar akan memudaratkan kaum Melayu sebenarnya adalah kalimah penghinaan terhadap keupayaan anak Melayu untuk bersaing di dunia global. Melalui



**MARTABAT BANGSA:** Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak berbincang sesuatu pada.

# Koridor ni baru

## an berkualiti

Yayasan Hartanah Bumiputera dan pelbagai agensi lain, usahawan Melayu berwibawa akan diberi peluang seluas-luasnya di Wilayah Pembangunan Iskandar.

Inisiatif Pembangunan Koridor Utara diterima baik oleh warga utara. Inisiatif Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur disambut baik oleh warga pantai timur termasuk Kerajaan Pas di Kelantan. Inisiatif Koridor Ekonomi memperlihatkan keikhlasan Kerajaan untuk membawa pembangunan ke seluruh negara dengan mengetepikan pegangan politik kepartian. Kita mengetepikan politik kepartian supaya warga dapat menikmati kehidupan berkualiti dan keluar dari belunggu kemiskinan. Koridor ekonomi adalah agenda nasional kerajaan, bersifat nasional - berwajah nasional, bukti nyata akan kesungguhan usaha kerajaan BN untuk membangunkan negara dan mensejahterakan kehidupan warga.

Bahawa koridor-koridor ekonomi perlu dilihat sebagai gagasan besar untuk melonjakkan setiap warga Malaysia - terutamanya anak Melayu - ke arah kemakmuran dan kesejahteraan. Kalau dulu kita berbicara tentang 'towering Malay' inilah sba-



**INSAN BERKUALITI:** Abdullah mengajak bangsa Melayu berhijrah ke era baru dan mencipta kemajuan lebih gemilang ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno 2007, kelmarin.

...tangan 'towering Malays', inilah sebenarnya yang kita mahu: anak Melayu yang tidak gentar untuk bersaing dengan dunia luar. Bahawa kepentingan warga Malaysia dan anak bangsa tidak akan kita gadaikan. Pela-



“*Satu lonjakan besar untuk membangun modal insan, meningkatkan produktiviti serta inovasi negara sedang dilaksanakan demi memastikan status negara maju dapat dicapai pada 2020”*

buran yang akan kita tarik dari serata dunia akan merancakkan lagi arena pembangunan ekonomi, yang limpanya akan turut dirasai oleh kita semua. Kita tetap memberikan bantuan dan galakan secukupnya agar orang Melayu dapat bersaing dan membabitkan diri dalam koridor-koridor itu.

Melalui pembangunan koridor-koridor ekonomi, pertanian di Malaysia akan diberikan wajah baru – diperkenalkan dengan pendekatan baru. Perubahan secara struktural akan dilakukan terutama dari segi penyertaan orang Melayu dalam rantaian bekalan sektor pertanian. Pembabitian petani Melayu masih terbatas di peringkat menanam untuk menghasilkan barangan mentah; komponen yang begitu berintensif buruh, menggunakan tenaga dan masa yang banyak tetapi menghasilkan pulangan yang minimum.

Sektor pertanian lebih luas dari itu; ia merangkumi komponen-komponen penghasilan benih berkualiti, jentera dan alat pertanian, teknologi pertanian, pengangkutan, pembungkusan dan penjenamaan, pemborongan, penjualan dan pelbagai lagi. Hari ini rantaian bekalan ini masih belum dikuasai oleh orang Melayu, jauh sekali dari kalangan petani Melayu. Untuk itu Kerajaan akan berusaha memastikan berlakunya satu transformasi; berlakunya penghijrahan dari pertanian tradisional kepada pertanian moden, pertanian yang menggunakan ICT dan bioteknologi, dalam hasrat mendapatkan pulangan lebih besar terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan. Melalui pendekatan baru ini, barulah sektor pertanian berupaya memberi impak langsung terhadap usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan pen-

dapatan.

## **Membangun Modal Insan Mencapai Potensi Bangsa**

Pembangunan modal insan berkualiti amat kritikal dalam membina daya saing dan bagi mencapai matlamat pembangunan negara. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi tekanan dan cabaran persaingan besar dalam abad ke-21. Dalam persekitaran ini, kejayaan memihak kepada mereka yang berjaya menambah nilai pada diri masing-masing. Dalam hasrat merealisasikan cita-cita negara, satu usaha besar sedang dipergiatkan untuk membangunkan modal insan, seterusnya meningkatkan daya saing, daya produktiviti serta daya inovasi negara.

Warga muda laksana permata untuk digilap. Mereka adalah khazanah penting negara. Warga muda adalah pewaris bangsa – pewaris negara. Mereka akan menentukan kelangsungan gagasan dan perjuangan negara-bangsa di hari muka. Jatuh bangun – maju mundur negara di hari muka amat bergantung pada mereka.

Mereka mesti dipupuk supaya menjadi barisan warga yang memiliki daya intelektual – menguasai pengetahuan, bermoral dan berbudaya tinggi serta memiliki kecergasan fizikal. Mereka perlu diasuh dan dicanai hingga menyinar gemerlap. Warga muda wajib diperlengkapkan supaya cukup bersedia membawa negara berhijrah ke era baru, mencipta kemajuan lebih gemilang.

Kini, satu lonjakan besar untuk membangunkan modal insan, meningkatkan produktiviti serta inova-

# Menghapus 'racun' dalam minda Melayu

## Program pembasmian kemiskinan babitkan semua kaum diberi tumpuan dalam fasa kedua RMK-9

B.H M/s 14 9.11.07

DARI MUKA 13

si negara sedang dilaksanakan demi memastikan status negara maju dapat dicapai dalam tahun 2020. Kerajaan sedang menggerakkan usaha melaksanakan transformasi terhadap sistem pendidikan negara di semua peringkat, dari pra-sekolah hingga ke pengajian tinggi. Usaha ini adalah kompleks dan membabitkan pelbagai pihak. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2010 telah dilancarkan pada 16 Januari 2007. Pelan itu menyediakan strategi dan panduan membangunkan program pendidikan yang berkualiti, kukuh dan relevan dengan keperluan masa kini.

Sejak sebelum Merdeka, sekolah kebangsaan telah diilhamkan sebagai instrumen untuk mendidik rakyat pelbagai kaum. Ini kekal menjadi hasrat kita. Sekolah kebangsaan

akan terus diperkasa supaya menjadi sekolah pilihan utama seluruh warga. Sekolah-sekolah di luar bandar akan dipastikan memiliki tenaga pengajar berkualiti, pembangunan prasarana dan kemudahan yang seimbang dengan sekolah-sekolah di bandar. Kecemerlangan sekolah akan diasaskan kepada pencapaian akademik, kokurikulum dan sukan.

Sekolah-Sekolah Kluster akan dijadikan penanda aras dan menjadi sekolah contoh selaras dengan usaha untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah dilancarkan pada 27 Ogos lalu. Pelan itu menjadi asas kepada pembangunan pengajian tinggi negara sehingga tahun 2020. Pelan itu menyuntik pembaharuan kepada program pendidikan tinggi supaya dapat memperlengkapkan usaha pembangunan negara. Adalah

menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat institusi pengajian tinggi negara mewujudkan suasana pembelajaran yang kompetitif berlandaskan prestasi dan meritokrasi. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) hendaklah berupaya mengeluarkan graduan berprestasi tinggi hingga menjadi rebutan majikan di pasaran kerja global. IPT negara juga harus berupaya menghasilkan penyelidikan berkualiti yang mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Untuk memastikan prestasi tinggi IPT negara, pelbagai langkah telah mula dilaksanakan, antaranya memberi lebih autonomi kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam supaya menjadi lebih efisien dan berkesan. Audit prestasi akademik akan dilakukan ke atas semua Institusi Pengajian Tinggi Negara untuk menentukan 'rating' masing-masing. Langkah untuk membangunkan gagasan universiti



**KEHEBATAN PEMIMPIN MELAYU:** Sebahagian pemerhati parti politik luar negara yang hadir mendengar ucapan Presiden pada Perhimpunan Agung Umno 2007, kelmarin.

tergugul yang dinamakan 'universiti apeks' turut diperkenalkan.

Perusahaan Kecil dan Sederhana berperanan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. PKS memerlukan modal insan terlatih yang memiliki kemahiran bersesuaian. Latihan teknikal dan vokasional akan terus dikemaskinikan supaya dapat memenuhi keperluan industri. Latihan teknikal dan vokasional akan dirangkaikan dengan keperluan industri dan diberi imej baru, agar mampu memberi keyakinan baru serta memenuhi aspirasi baru.

Sekolah-sekolah agama rakyat juga diseru melakukan anjakan pendekatan, mempelbagaikan kandungan dan meluaskan disiplin ilmu. Pelajar-pelajar di sekolah agama rakyat akan dibekalkan dan diperlengkapkan ilmu, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang membolehkan mereka menghadapi keperluan modal insan dalam era globalisasi dan ekonomi berpaksikan pengetahuan.

Saya mahu melihat ahli-ahli Umno menjadikan program pembangunan modal insan sebagai satu wadah perjuangan – sebagai satu jihad perjuangan parti, perjuangan keluarga dan perjuangan diri. Setiap ahli Umno perlu meletakkan sasaran untuk melahirkan barisan profesional dan barisan teknokrat bangsa. Setiap ahli Umno hendaklah meletakkan sasaran memastikan anak-anak mereka akan sampai ke institusi pengajian tinggi.

bisiklah kepada hati bahawa kita berupaya mencapainya, berusaha dengan tekun dengan keyakinan penuh bahawa Allah mengurniakan kejayaan kepada setiap hambanya yang berniat ikhlas, khususnya melakukan ibadat dan berusaha membawa perubahan yang baik. Bahawa niat dan kerja baik itu adalah ibadat. Tuhan tidak menciptakan umat Melayu un-

Melayu lebih seimbang dan masyarakat Malaysia tidak lagi dapat dipisahkan berlandaskan profesion.

Dasar Ekonomi Baru tidak pernah bertujuan merampas hak mana-mana warga Malaysia di bumi ini. Kerana itu, meskipun telah 37 tahun dilaksanakan, belum berlaku keadaan kerajaan merampas kekayaan dari bukan Melayu untuk menjadikan Melayu kaya. Malah kekayaan bukan Melayu terus meningkat. Senarai warga terkaya di Malaysia di dahului oleh bukan Melayu. Hasrat memenuhi semangat Dasar Ekonomi Baru perlu didukung bersama oleh semua pihak.

Dalam melagukan lirik menuntut keseimbangan penyertaan antara kaum dalam sektor swasta dan sektor awam, jangan sampai kita terlepas pandang satu lagi matlamat utama yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, ia itu, membasmi kemiskinan. Negara tidak akan tenteram jika bilangan rakyat yang miskin masih ramai. Kemiskinan boleh menjadi punca mencetuskan ketidakstabilan politik, demonstrasi jalanan, kadar jenayah yang tinggi dan masalah sosial yang besar.

Program membasmi kemiskinan adalah untuk semua warga tanpa mengira kaum ataupun agama. Meningkatkan kapasiti dan nilai tambah individu melalui program pendidikan berkesan adalah instrumen yang akan diberikan fokus dalam usaha mahu mengeluarkan masyarakat dari zon kemiskinan, terutamanya menangani masalah kemiskinan minda dan kemiskinan jiwa. Program mem-



“*Dasar Ekonomi Baru tidak pernah bertujuan merampas hak mana-mana warga Malaysia di bumi ini*”

## Membina Kejayaan Bangsa Membasmi Kemiskinan

Pada 2020 adalah penting dipastikan orang Melayu tidak tertinggal di belakang, bertaraf masyarakat pinggir, bagai melukut di tepi gantang, tersisih dalam sebuah negara yang sudah bertaraf negara maju. Usaha gigih sedang dirintis demi memastikan masyarakat Melayu tidak ditimpa nasib melukut pada 2020.

Rasa bimbang, rasa takut dan rasa terancam dalam minda Melayu berlaku apabila orang Melayu tidak mempunyai persediaan yang cukup. Selagi orang Melayu berfikiran kecil, selagi itulah orang Melayu berasa gentar kepada perkataan meritokrasi. Merasa diri kecil, merasa rendah diri, merasa gentar, merasa kurang upaya, adalah pemikiran beracun yang telah disuntik ke dalam minda Melayu, bermula dari era penjajahan. Racun minda ini perlu dikeluarkan supaya Melayu berminda segar - berfikiran berani. Melayu, bila diberikan bimbingan yang betul dan diberikan peluang saksama, sebenarnya telah sedia bersaing.

Kita telah 50 tahun merdeka. Ramai orang Melayu telah berjiwa merdeka. Ramai Melayu di era ini telah bersedia bekerja keras. Ramai Melayu di era ini berani bersaing di peringkat global. Jangan lagi ditakutkan minda Melayu, seperti menakutkan anak kecil kepada hantu. Hari ini, jangan diperkecil daya upaya Melayu, jangan direndahkan kapasiti Melayu. Melayu akan kita pelengkap supaya berupaya membawa negara mencapai tahap lebih gemilang untuk 50 tahun akan datang. Melayu perlu tabah sebelum memulakan langkah.

Impikanlah istana kejayaan, ber-

*Malaysia di bumi ini.  
Kerana itu,  
meskipun telah 37  
tahun dilaksanakan,  
belum berlaku  
keadaan kerajaan  
merampas kekayaan  
dari bukan Melayu  
untuk menjadikan  
Melayu kaya"*

tuk menjadi lebih lemah dan kurang bijak dari umat-umat berketurunan lain.

Warga Malaysia pertama yang sampai ke angkasa bernama Dr Sheikh Muszaphar; dia beragama Islam; dia berketurunan Melayu; dia dipilih dari kalangan calon pelbagai kaum oleh panel pemilih di Russia. Pada hari ini telah ramai Melayu menguasai pelbagai profesion, memimpin pelbagai organisasi dan menerajui pelbagai institusi. Kejayaan negara ini sendiri adalah bukti nyata kebijaksanaan dan kehebatan pimpinan Melayu.

Masyarakat Melayu perlu mewujudkan satu 'critical mass' berpendidikan tinggi dan menguasai kemahiran penting, supaya orang Melayu dapat memberi sumbangan lebih berkesan dalam pelbagai sektor ekonomi. Melayu yang gagah akan berupaya melihat Dasar Ekonomi Baru dari kaca mata yang tidak lagi menimbulkan keresahan bukan Melayu. Melayu harus menjaguh pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, memastikan komposisi kumpulan profesional dan kumpulan menengah

dan tinggi masalah kemiskinan minda dan kemiskinan jiwa. Program membasmi kemiskinan akan diberikan tumpuan intensif dalam fasa kedua Rancangan Malaysia Kesembilan. Semoga dalam tempoh masa yang tidak terlalu lama, di bumi Malaysia, perkataan miskin hanya tinggal sebagai satu istilah yang terkandung di dalam kamus. Wakil-wakil rakyat wajib meletakkan prioriti kepada agenda membasmi kemiskinan. Malah kerajaan membasmi kemiskinan akan dijadikan salah satu petunjuk utama prestasi wakil-wakil rakyat di kawasan masing-masing.

### Mengatasi Kebimbangan

Hari ini masyarakat sedang berhadapan dengan beberapa kebimbangan; antaranya kejadian jenayah, hubungan antara agama dan hubungan antara kaum. Kejadian jenayah diakui berlaku. Sebahagiannya berpunca dari penyakit dan gejala sosial dan ada juga yang disebabkan dari kebanjiran pekerja asing tanpa izin. Laporan media akan kejadian jenayah bukan saja telah meningkatkan kesedaran rakyat tetapi cara penyampaian berita secara dramatik telah menggambarkan seolah-olah negara ini tidak lagi selamat.

Kejadian jenayah yang tinggi dan kaedah laporan media akan mempengaruhi imej negara. Kerajaan menyedari masalah ini dan kerana itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan demikian juga dalam Bajet 2008, peruntukan besar disediakan untuk Polis Diraja Malaysia. Dalam pada itu perlu difahami, langkah menambah anggota pasukan keselamatan tidak dapat dipenuhi dalam sekelip mata. Ia memerlukan masa un-

LIHAT MUKA 15



SEMANGAT WAJA: Perwakilan turut melaungkan 'Hidup Umno, Hidup Melayu' pada akhir ucapan perasmian.

# Hubungan kaum tunjau

## Pak Lah beri jaminan Umno tidak langgar semangat perjanjian merdeka demi negara

B.H M/S 15 9.11.07

DARI MUKA 14

tuk melatih anggota baru. Negara dan masyarakat perlu bersama menyokong anggota polis. Sementara menantikan bilangan anggota polis di tambah, jauhilah dari perbuatan yang boleh menimbulkan keraguan atas keupayaan polis mengawal ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Memelihara keselamatan negara sememangnya tanggung jawab kerajaan. Namun tanggung jawab ini akan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan jika kerajaan mendapat komitmen dan sokongan penuh warga. Membanteras masalah sosial - membanteras masalah penyalahgunaan dadah, membanteras masalah penyeludupan, termasuk penyeludupan manusia, memerlukan bantuan semua pihak. Semangat mengadakan rondaan di kalangan warga (citizen patrol), yang pernah dilaksanakan oleh masyarakat di negara ini perlu dihidupkan semula. Rakyat Malaysia yang telah selesa dalam suasana kemakmuran ekonomi janganlah sampai hilang nilai kemasyarakatan. Seruan Kerajaan untuk mengaktifkan semula kegiatan Rukun Tetangga wajib disambut.

Tugas anggota polis hendaklah kita bantu supaya bertambah ringan. Semangat kenegaraan yang tinggi perlu ditunjukkan ketika negara sedang menghadapi krisis kadar jenayah yang tinggi. Saya yakin jika aktiviti rondaan di kawasan-kawasan perumahan dapat diaktifkan semula, kadar jenayah pecah rumah dan pencurian akan dapat diturunkan dengan serta-merta. Saya menyeru kepada ahli-ahli Umno dan juga ahli-ahli parti komponen BN untuk tampil ke hadapan, memberikan teladan membantu usaha kerajaan membanteras kegiatan jenayah.

Hubungan harmoni antara warga pelbagai kaum dan pelbagai agama di negara ini, bukannya satu opsyen

no mengulas isu dari perspektif nasional.

Saya percaya bahawa nada berunsur ekstrem juga disuarakan oleh ahli-ahli dalam parti-parti politik yang dikuasai oleh kaum-kaum lain di negara ini. Namun, dalam semangat membina sebuah negara yang rukun lagi bersatu, konsensus majoriti berlandaskan kesederhanaan dan semangat saling menghormati, terbukti mengatasi suara-suara bernada ekstrem.

Jaguh-jaguh bersuara rasis telah mensensasikan kandungan ucapan tertentu dalam Persidangan Umno tahun lalu. Perbuatan menghunus dan mengucup keris adalah sebahagian dari adat warisan pusaka bangsa. Namun ia turut ditakrif secara sempit - secara negatif. Orang-orang bukan Melayu ditakutkan; malah turut digemakan kumpulan tertentu di luar negara, bertujuan untuk memburuk-burukkan imej Umno dan Malaysia. Atas nama dan bagi pihak pemimpin dan ahli-ahli Umno, secara tegas saya memberikan jaminan, bahawa Umno, sama sekali tidak akan melanggar semangat perjanjian mer-

“*Dalam semangat membina sebuah negara yang rukun lagi bersatu, konsensus majoriti berlandaskan kesederhanaan dan semangat saling menghormati, terbukti mengatasi suara-suara bernada ekstrem*”

kaum perlu ditangani secara objektif, secara rasional dan secara matang. Umno dan rakan-rakan di dalam BN jangan sekali-kali terperangkap dalam isu agama dan isu perkauman yang dicetuskan oleh politik pembangkang. Kita adalah parti yang menguasai Kerajaan, kita adalah parti yang didukung oleh kuasa eksekutif, kita tidak harus merendahkan kedudukan kita, melatah dicucuk oleh pembangkang.

### Langkah Menuju 100 Tahun Kemerdekaan

Sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan, dengan kudrat dan iradat Ilahi, saya telah dianugerahkan penghormatan melalui semula jalan sejarah yang telah diterokai Tunku Abdul Rahman Putra. Bermula dari peristiwa di Bandar Hilir Melaka hinggalah melaukan perkataan 'MERDEKA' di Stadium Merdeka.

Betapa warga patut bersyukur atas nikmat, atas kemuliaan, atas martabat, atas kedaulatan yang dimiliki oleh negara bangsa. Kita adalah kalangan warga dunia yang dapat berbangga atas kemerdekaan negara bangsanya kerana kemajuan yang telah kita kecapai. Segala-galanya adalah hasil dari kebijaksanaan barisan kepimpinan negara dalam tempoh 50 tahun Malaysia merdeka, bermula dari Tunku Abdul Rahman Putera, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad. Saya turut diberikan tanggungjawab sejak empat tahun lalu.

Rantau ini pernah mencipta sejarah hebat di era Kerajaan Melayu Melaka. Namun perlu diingat, bahawa keagungan Kerajaan Melayu Melaka hanya bertahan selama satu abad. Selama hampir 500 tahun selepas itu kita telah dijajah dan nasib bangsa ditentukan oleh kuasa luar. Dalam tempoh 50 tahun merdeka, kita telah kembali berkerajaan sendiri. Kita telah berjaya mengemba-

tetapi adalah satu kemestian. Kita tidak ada pilihan lain. Lima puluh tahun lalu, perjuangan menuntut kemerdekaan dipermudahkan kerana kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman (Almarhum) dan barisan pemimpin seangkatan dengan Almarhum dalam Perikatan memperkenalkan konsep perkongsian kuasa.

Kita telah 50 tahun merdeka. Kini, insan yang lahir di bumi ini adalah anak Malaysia. Mereka adalah warga Malaysia. Mereka besar dan dewasa dengan hanya mengenal negara ini. Mereka berpijak di bumi Malaysia dan menjunjung langit Malaysia. Bukan lagi masanya untuk kita mendendangkan lirik berasaskan kaum. Setiap isu yang dihadapi perlu ditangani berasaskan kepentingan nasional dan kepentingan sejagat.

Pada Perhimpunan Agung tahun lalu, Umno telah membenarkan media membuat siaran langsung perbahasan. Buat pertama kalinya dunia berpeluang mengikuti retorik politik Melayu tanpa tapisan.

Sebilangan kecil pembahas mengupas usul yang mungkin telah menyenggang perasaan kaum lain. Ucapan-ucapan Presiden, Timbalan Presiden, Ketua-Ketua Pemuda, Wanita dan Puteri, barisan Majlis Tertinggi dan lebih ramai pembahas memperlihatkan semangat majoriti ahli Um-

no yang telah kita persetujui bersama kaum-kaum lain. Peluang yang ada di bumi Malaysia adalah terbuka kepada setiap warga Malaysia. Masa hadapan setiap warga Malaysia tetap diberikan jaminan.

Pada masa sama, kaum lain juga perlu memahami sensitiviti orang Melayu. Perkara-perkara asas berhubung kesucian agama, kepercayaan dan amalan, kepentingan orang Melayu serta perjanjian permufakatan antara kaum yang telah termeterai, tidak harus diungkit. Perkara-perkara asas yang telah sama-sama kita persetujui sewaktu Perlembagaan Persekutuan digubal, adalah perkara-perkara yang tidak boleh dirundingkan lagi.

Umno tidak mengamalkan sifat lihad bercabang, Umno tidak bernada lain di hari siang - di hari malam, Umno bukan makhluk dua alam - makhluk yang bertukar warna berasaskan suasana. Umno bersedia duduk semeja, mencari penyelesaian bijak, melalui formula sama-sama menang, menangani isu sensitif menyentuh kaum - menyentuh agama.

Namun demi membolehkan isu-isu sensitif dapat ditangani secara berkesan, perbincangan mencari penyelesaian lebih sesuai dilakukan melalui forum tertutup. Isu-isu menyentuh sensitiviti agama dan sensitiviti


liken kegemilangan sebuah negara bangsa. Malaysia muncul sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat, dihormati dan disegani.

Era kegemilangan Kerajaan Melaka berjaya kita kembalikan. Namun kita tidak mahu kegemilangan kita sekadar berusia satu abad. Kegemilangan ini perlu kita pertahankan selama-lamanya. Selagi ada bulan dan matahari, negara dan bangsa kita akan kekal menjadi negara bangsa merdeka lagi berdaulat.

Saya bersyukur kerana mewarisi kepimpinan sebuah kerajaan yang telah mencipta kejayaan terutama dalam pembangunan prasarana fizikal negara. Malah cabaran ke atas diri saya menjadi lebih besar untuk meningkatkan kejayaan dan nilainya. Untuk itu saya telah dan sedang berusaha membangunkan komponen perisian terutama dari segi membangunkan modal insan kelas pertama. Pelbagai formula diperkenalkan, beberapa organisasi disusun semula dan beberapa institusi baru ditubuhkan. Pembangunan perisian memerlukan masa yang panjang untuk melihatkan hasil. Dasar-dasar utama dikekalkan; pengubah suaian dilakukan mengikut keperluan semasa untuk menghadapi cabaran baru.

Tempoh empat tahun saya menerima amanat memimpin negara, adalah satu peratusan masa yang singkat

# ng kejayaan Malaysia



Nasib negara pada 2057 akan ditentukan dengan apa yang kita lakukan pada hari ini. Kita perlu memperkasakan Misi Nasional dengan membina gagasan negara bangsa yang kukuh. Kita mahu memperlengkapkan komponen pembangunan negara dengan membina gagasan kukuh di jiwa raga insan, menjadikan bangsa kita bangsa yang gagah lagi perkasa, berilmu dan menguasai teknologi, berbudaya tinggi dan bermoral mulia.

Negara yang telah 50 tahun Merdeka harus diperkaya dengan warga berjiwa merdeka; warga yang memiliki keyakinan – memiliki kepercayaan akan masa hadapan negara bangsanya; warga yang sama-sama akan mengambil tanggung jawab untuk mempertahankan kemerdekaan negaranya; warga yang hidup harmoni dalam kepelbagaian agama dan kaum, warga yang kukuh akarnya di bumi ini – merendang dahannya ke serata benua, warga yang berfikiran luas – berjiwa besar.

50 tahun yang akan datang harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh umat Melayu dan warga Malaysia. Kita ingin memelihara sebuah negara yang terus bertunjangan Perlembagaan Persekutuan dan berlandaskan Rukun Negara. Kita ingin memastikan negara terus bersatu, dengan kehidupan yang adil lagi saksama, melalui semangat kebersamaan dan perkongsian kuasa yang jitu. Kita ingin membina sebuah negara dengan peradaban dan ketamadunan unggul melalui pendekatan Islam Hadhari yang mengandungi prinsip sejagat. Kita ingin menjadi sebuah negara yang maju dan terus maju, yang dipacu oleh Misi Nasional.

Bahawa Misi Nasional yang bertunjangan lima teras pembangunan – untuk menambah nilai dalam ekonomi negara, membina modal insan

**JIWA BANGSA:** Abdullah mengangkat tangan sambil melaungkan 'Hidup Umno dan Hidup Melayu' pada akhir ucapan perasmian Perhimpunan Agung Umno 2007, kelmarin.

berbanding sejarah lima puluh tahun kemerdekaan. Saya amat insaf negara masih belum memenuhi tahap sasaran yang ditetapkan. Tambahan pula dengan kemunculan cabaran-cabaran baru seperti kenaikan harga minyak dan komoditi-komoditi lain serta ketidakstabilan politik di kawasan-kawasan strategik seperti di Asia Barat. Namun saya berkeyakinan dengan petanda-petanda positif dalam negara yang sungguh menggalakkan.

Kita perlu peka akan komposisi warga yang semakin terpelajar. Komposisi warga yang lebih mendapat akses kepada maklumat. Komposisi warga yang mahu melihat amalan ketelusan, amalan demokrasi serta peranan masyarakat awam yang lebih aktif. Dunia media sedang melalui proses revolusi yang rancak. Bahawa maklumat kini boleh diperoleh melalui pelbagai saluran.

Dalam pada itu, kita perlu mengimbangkan secara bijak antara kawalan dan keterbukaan media tanpa meruntuhkan asas kestabilan politik yang berjaya kita bina selama ini. Adalah menjadi hasrat Ke-

“*Kekuatan modal insan kita akan menentukan pelaksanaan dan pencapaian cita-cita negara, mencapai taraf negara maju dan melangkaui tahap seterusnya*”

rajaan untuk melihat media berkembang sebagai satu industri yang lebih progresif dan lebih telus, berupaya melaksanakan tugas secara berintegriti serta lebih bertanggung jawab, termasuk pada satu hari nanti, mengambil tanggung jawab kawal selia melalui badan profesional yang dianggotai oleh mereka sendiri.

Kita perlu memperkukuh dan memperbaharui kerjasama politik melalui semangat yang berlandaskan perkongsian kuasa secara tulen. Kita perlu mendidik barisan pemimpin pelapis untuk meneruskan agenda pembangunan negara. Kegagalan mempersiapkan barisan pelapis secara berkesan akan meninggalkan kelompangan yang akan hanya memberi peluang untuk diisi pihak lawan.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada pemimpin hari ini untuk menentukan proses kesinambungan kepimpinan berlaku secara baik. Umno kuat - Umno stabil kerana Umno memberikan perhatian penting membina barisan pelapis. Program mencari bakat muda, memberi peluang dan kesempatan, mendidik dan mendedahkan barisan pemimpin muda amat ketara berlaku di era kepimpinan Tun Abdul Razak (Allahyarham).

Kerana itu apabila secara mengesuk, Tun Dr Ismail dan Tun Abdul Razak meninggal dunia, Umno tidak gersang dengan barisan pelapis yang memiliki potensi dan memiliki cukup pendedahan. Tidak ada insan yang kekal selama-lamanya. Pemimpin yang bertanggungjawab wajib memikirkan masa hadapan negara. Demi kestabilan masa hadapan negara, program membina barisan pemimpin pelapis perlu diutamakan.

kelas pertama, menangani ketidakseimbangan sosio-ekonomi, menjamin kualiti hidup rakyat, dan meningkatkan keupayaan pelaksanaan - adalah keperluan yang wujud sepanjang masa. Bahawa kekuatan modal insan kita akan menentukan pelaksanaan dan pencapaian cita-cita negara, mencapai taraf negara maju dan melangkaui tahap seterusnya.

Marilah kita sama-sama membina sebuah negara yang memakmurkan setiap warga, tanpa mengira kaum mahupun kepercayaan. Marilah kita sama-sama membangunkan sebuah negara di mana semua kaum menikmati kehidupan dan kemajuan yang seimbang. Marilah kita sama-sama membawa negara bangsa ke mercu kegemilangan.

Apabila menyambut 100 tahun kemerdekaan, Malaysia sepatutnya terbilang di kalangan negara yang menikmati tahap pembangunan yang tinggi. Kita seharusnya tergolong di kalangan ekonomi yang paling berdaya saing di dunia, dengan modal insan, infrastruktur, institusi serta piawai urustadbir bertaraf dunia Insya-Allah.

Semoga Allah SWT memberikar petunjuk, taufik dan hidayahnya kepada kita dalam melaksanakan ibadah memenuhi tanggung jawab fardu kifayah. Semoga pimpinan dan masa hadapan Umno dan negara terus berada di tangan mereka yang berjiwa ikhlas dan barang dijauhkan Umno dan negara jatuh ke tangan orang-orang yang akan membawa kerosakan. Semoga Perhimpunan Agung kita mendapat keredaan dan petunjuk Ilahi.

BERSATU! BERSETIA! BERKHIDMAT HIDUP UMNO! HIDUP MELAYU!